

Hasrat kembar seiras belajar bersama di UTHM tercapai

Oleh **ZAINAL AZHAR MOHAMED**

utusanjohor@utusan.com.my

BATU PAHAT 10 Sept. - Hasrat pasangan kembar seiras melanjutkan pengajian bersama dalam jurusan Kejuruteraan Awam tercapai selepas mereka diterima sebagai mahasiswa baharu di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).

Pasangan kembar berkenaan, Nur Nadhira Ahmad Fauzi dan adiknya Nur Nadiah, 22, sebelum ini mendapat tawaran di universiti berbeza namun rayuan mereka untuk memasuki UTHM diterima.

Nur Nadhira berkata, sebelum ini dia mendapat tawaran melanjutkan pengajian di Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang, manakala adiknya di UTHM tetapi kerana enggan berpisah, mereka membuat rayuan.

“Sejak kecil lagi kami tidak boleh berpisah, malah turut bertekad untuk sama-sama mengejar cita-cita yang sama iaitu menjadi seorang jurutera. Kami bersyukur kerana akhirnya UTHM menyatukan kami dengan menerima rayuan yang dikemukakan.

“Saya ucapkan terima kasih kepada UTHM dan bagi membalas jasa, kami telah bersiap sedia mendapat kedudukan yang terbaik sebagai mahasiswa di peringkat Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Awam di universiti ini,” katanya ketika



PASANGAN kembar seiras, Nur Nadhira Ahmad Fauzi (kiri) dan Nur Nadiah mencuri tumpuan ketika sesi pendaftaran mahasiswa di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Batu Pahat, baru-baru ini.

ditemui dalam sesi pendaftaran mahasiswa baharu di UTHM, di sini baru-baru ini.

Adiknya, Nur Nadiah memberitahu, kehadiran kakak kembarnya itu menjadi inspirasi untuk mencapai kejayaan pada masa akan datang selain mengharapkan impian mereka bersama akan tercapai.

“Sebelum ini kami pernah mendapat pelbagai anugerah bersama dan kali ini kami turut berazam mengulangi kejayaan di UTHM termasuk

mendapat anugerah dekan,” katanya.

Sementara itu, Timbalan Pendafatar Kanan Pejabat Pengurusan Akademik UTHM, Abdul Halim Abdul Rahman berkata, pendaftaran mahasiswa pada tahun ini meningkat berbanding tahun lalu.

“Peningkatan ini berlaku apabila UTHM mewujudkan lima program baharu di bawah Fakulti Teknologi Kejuruteraan yang menarik minat mahasiswa dari dalam dan luar negara,” katanya.